

Bayar RM10,000 hanya dapat 1 gram emas bernilai RM618

Individu kena beli 1,000 kali untuk dapat logam bernilai kononnya dijual murah

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga emas yang melonjak membuatkan ramai orang tertarik memiliki logam berharga itu, lebih-lebih lagi ada penjual dalam talian meletakkan harga serendah RM10 dan RM20 untuk berat 0.0001 gram.

Namun, ramai tidak sedar emas yang dibeli dalam bentuk kad itu tiada nilai berikutan dengan harga begitu rendah, mereka hanya menerima emas seberat 0.001 gram, iaitu kuantiti amat sedikit.

Dengan berat itu, seseorang perlu membeli 1,000 kali atau menghabiskan kira-kira RM10,000 untuk menjadikan jumlahnya satu gram dengan harga emas terkini hampir RM618.

Tinjauan BH di aplikasi sosial terutama di TikTok mendapati wujud tawaran emas 'RM1' dengan mendakwa itu emas tulen gred 999.9/24k yang dijual murah melalui kad keluaran khas untuk perayaan atau sambutan hari istimewa.

Produk itu berbentuk kad perhiasan emas seperti rantai dengan keterangan emas 24k serta didakwa mempunyai 'cop 916' dijual pada RM34.40.

Trend menjual emas dalam kuantiti kecil itu juga semakin berkembang dengan institusi



perbankan atau syarikat pelaburan menawarkan peluang memiliki emas serendah RM10.

Pakar Kewangan Pengguna dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata orang ramai tidak boleh terlalu taasub untuk dengan membeli emas tanpa memahami risikonya.

"Jangan terpedaya membeli emas pada harga puluhan atau belasan ringgit, sedangkan realiti harga semasa satu gram emas kini RM500 hingga RM600.

"Seseorang itu seharusnya membuat penilaian menyeluruh seperti mengetahui berat emas yang dijual pada harga yang sangat tidak masuk akal.

"Selain itu, pengguna perlu menyemak urus niaga syarikat di platform dalam talian sama ada sah atau tidak, selain memastikan mereka boleh menjual kembali serta mendapatkan wang pulangan," katanya kepada BH.

Tinjauan di ruangan komen di platform sosial itu menunjukkan pelanggan memberikan testimoni yang emas diterima dengan selamat dan bukan daripada penjual tempatan tetapi didakwa dari Indonesia.

Ada pula pembeli yang berkongsi itu pembelian pertama dan berhasrat menjualnya kembali apabila jumlah dikumpulkan sudah mencukupi.

Di ruang keterangan produk pula, peniaga mempromosi kad emas itu tulen, bernilai tinggi dan menguntungkan sebagai pe-

laburan jangka panjang.

Buat transaksi premis sah

Mohamad Fazli berkata, orang ramai dinasihatkan membuat transaksi dengan premis yang wujud, di samping mengambil pendekatan berhati-hati serta tidak terikut-ikut dengan trend.

"Transaksi dalam talian berisiko kerana 'kedai' itu boleh lenyap bila-bila masa dan ada risiko perniagaan dikaitkan dengan siasatan pihak berkuasa menangani pengubahan wang haram.

"Jadi, biarlah emas yang dibeli itu ialah logam berharga dan bukan satu penipuan yang hanya menguntungkan pihak penjual," katanya.

Sementara itu Pensyarah Kewangan Islam dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Amin Othman, berkata kecenderungan bank memperdagang emas sebenarnya bertentangan dengan konsep perbankan yang menjadikan wang kertas sebagai wang sah (legal tender).

HARGA EMAS (999.9) 2014-2025

TAHUN	HARGA EMAS (RM segram)
31 Disember	618.00
15 Mac (2025)	463.00
1 Jan (2025)	409.00
2024	370.93
2023	316.00
2022	265.00
2021	241.24
2020	251.37
2019	177.08
2018	168.57
2017	174.93
2016	166.81
2015	139.57
2014	135.05

Infografik BH



Antara emas bentuk kad yang dijual dalam talian.

(Foto hiasan)

derungan bank memperdagang emas sebenarnya bertentangan dengan konsep perbankan yang menjadikan wang kertas sebagai wang sah (legal tender).

"Peranan sebenar bank mengembangkan wang fiat. Jadi, apabila bank menjadikan emas sebagai instrumen pelaburan dan menjual dalam kadar 'spread' (perbezaan besar antara harga belian dan harga jualan) yang tinggi, ini sepatutnya tidak berlaku.

"Jelas simpanan wang dalam instrumen pelaburan emas yang ditawarkan oleh sistem perbankan satu pilihan pelaburan tidak baik," katanya.

Beliau berkata, timbul persoalan sama ada pelaburan yang dibuat pengguna dinikmati pulangan oleh bank yang mengambil kesempatan daripada peningkatan harga emas di pasaran.

"Bagaimana pula dari segi zakat yang perlu dibayar oleh pelabur. Lazimnya, pelabur perlu membayar zakat jika jumlah simpanan mereka melebihi nilai nisab yang ditetapkan syariah tetapi bank ti-

dak mempunyai simpanan emas yang dibeli pengguna.

"Orang ramai dinasihatkan supaya jangan mudah tertipu dengan pelbagai instrumen pelaburan dengan kadar yang tidak masuk akal seperti emas 0.0001 gram dengan harga RM10.

"Ini menunjukkan bank cuba menjadikan kenaikan harga emas sebagai satu instrumen kewangan untuk ditawarkan kepada pelabur.

"Keadaan itu mungkin disebabkan menyimpan deposit tetap beralih kepada pembelian emas dalam bentuk bar," katanya.

Mohd Amin yang juga Ahli Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga (MACFEA) berkata, pengguna akan cenderung mengeluarkan simpanan berdasarkan prinsip *bad money drives out good money* iaitu wang buruk akan mengusir wang baik daripada edaran.

"Mereka berbuat demikian kerana dinar emas mempunyai nilai stabil berbanding wang kertas.